



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
PROGRAM “KID FUN RUN” KERJASAMA  
DUTCH LADY MILK INDUSTRIES BERHAD**

**29 MAC 2015**

**GALERI SHAH ALAM,  
TAMAN TASIK SHAH ALAM, SELANGOR**

---

[SALUTASI]

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan salam mesra

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bersempena dengan Majlis Perasmian Penutup Program “Kid Fun Run” kerjasama dengan Dutch Lady Milk Industries Berhad.
2. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengajur kerana sudi mengundang saya untuk merasmikan program ini. Saya difahamkan bahawa Program Kid Fun Run ini adalah julung-julung kalinya diadakan melalui kerjasama dengan Dutch Milk Industries Berhad yang merupakan salah sebuah syarikat yang cukup terkenal dengan keluaran produk susu berkhasiat untuk kesihatan bagi semua golongan terutamanya kepada kanak-kanak.
3. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada anak-anak yang hadir pada hari ini yang dapat menyahut cabaran menyertai program larian yang dianjurkan.

YBhg Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

4. Kanak-kanak merupakan modal insan yang penting kepada negara. Mereka juga memerlukan rangsangan berkesan untuk memupuk jati diri yang berdaya tahan. Salah satu program yang penting yang perlu diamalkan adalah aktiviti sukan dan rekreasi. Sukan merupakan satu bentuk terapi yang berkesan dalam memupuk nilai-nilai positif, kekuatan diri sama ada dari aspek fizikal atau emosi, disiplin, semangat berpasukan dan semangat juang yang tinggi.

5. Kanak-kanak juga perlu sentiasa diberi pendedahan dan bimbingan yang sewajarnya agar mereka faham dan sedar tentang betapa pentingnya mengamalkan cara hidup yang sihat dan sentiasa berusaha untuk berubah menjadi yang terbaik.

6. Sesungguhnya elemen kesihatan merupakan satu segmen yang amat penting dalam menjaga kesejahteraan kanak-kanak. Tanpa tubuh badan yang sihat, seseorang kanak-kanak tidak dapat menjadi seorang dewasa yang dapat menyumbang bakti kepada pembangunan Negara. Tanpa badan yang sihat, seseorang kanak-kanak tidak mungkin dapat belajar di sekolah dan mempunyai peluang untuk mengembangkan potensinya.

7. Oleh itu, program “Kid Fun Run” ini merupakan satu usaha yang tepat pada masanya untuk memastikan penglibatan atau penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti amalan gaya hidup sihat. Acara seperti ini akan mewujudkan persaingan yang sihat serta melahirkan semangat berlumba-lumba untuk memenangi dan menamatkan larian.

YBhg Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

8. Saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Dutch Lady Milk Industries Berhad di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama korporat bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat.

9. Suka saya menyatakan di sini bahawa, pihak Kerajaan amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama dengan pihak Kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Sumbangan atau bantuan tidak terhad kepada bentuk kewangan atau material semata-mata. Sekiranya kita dapat meluangkan sedikit masa, tenaga, sokongan secara mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada kanak-kanak yang memerlukan.

10. Sebenarnya jalinan perkongsian bijak dan strategic alliance di antara Kerajaan dengan sektor korporat, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela kebajikan dan masyarakat umum adalah selaras dengan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”. Kerajaan tidak mampu melaksanakan secara bersendirian dan sentiasa mengharapkan jalinan kerjasama secara holistik daripada semua pihak.

11. Adalah diharapkan hubungan atau perkongsian strategik yang terjalin ini dapat dimanfaatkan untuk lebih ramai lagi kumpulan sasar Jabatan melalui kerjasama CSR bersama Dutch Lady Milk Industries Berhad serta lain-lain syarikat korporat dan swasta yang ada pada hari ini seperti KidZania, Presicion Digital Sdn Bhd dan Persatuan Taska Negeri Selangor Berhad dapat diteruskan di masa-masa hadapan.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap dan menyeru agar kita semua dapat memberikan yang terbaik kepada kanak-kanak. Berilah belaian kasih sayang, pendidikan dan perhatian yang sewajarnya kepada mereka. Dengan demikian, anak-anak akan mempunyai keyakinan diri serta keperibadian yang hebat

dengan memiliki ciri-ciri seperti mempunyai daya saing yang kuat, kreatif, inovatif dan berkarismatik. Anak-anak pada hari ini akan menjadi penyambung legasi kepimpinan dan transformasi Negara. Marilah sama-sama kita memanjatkan rasa kesyukuran kerana masih ada pihak yang mengambil berat dan prihatin kepada anak-anak semua.

13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas jemputan bagi merasmikan program ini. Ucapan syabas dan tahniah kepada pengajur yang telah berusaha keras menggembung tenaga untuk merealisasikan program Kid Fun Run ini.

14. Terima kasih juga kepada pihak Dutch Lady Milk Industries, KidZania, Presicion Digital Sdn Bhd, Persatuan Taska Negeri Selangor Berhad, barisan Jawatankuasa program dan semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung bagi menjayakan program ini. Semoga program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang. Saya doakan agar keikhlasan tuan-tuan dan puan-puan sekalian mendapat pembalasan yang setimpal daripada Allah SWT.

15. Tidak dilupai anak-anak yang ada dihadapan saya ini yang saya kasih dan sayangi sekalian. Tahniah kepada anak-anak yang menang dalam acara larian, dan bagi yang kurang berjaya, jangan putus asa dan cuba lagi pada masa hadapan. Apa yang penting adalah semangat kesukaran yang ditunjukkan oleh anak-anak sekalian.

Burung undan burung tempua,  
Hinggap berehat di pohon cemara,  
Sukan amalan untuk semua,  
Mencergaskan anak-anak pewaris negara.

16. Dengan harapan dan doa agar usaha murni ini mendapat keberkatan Ilahi,  
**SUKACITANYA SAYA DENGAN LAFAZ "BISMILLAHIR RAHMAN NIRRAHIM"**  
**MERASMIKAN PROGRAM PENUTUP "KID FUN RUN" KERJASAMA DENGAN**  
**DUTCH LADY MILK INDUSTRIES BERHAD.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warah Matullahi  
Wabarakatuh.